

**Tidak Ada Sebab Bangkit Isu Polemik Umat Islam – Abdullah Bernama**  
**10 November, 2012**

KEPALA BATAS, 10 Nov (Bernama) -- Tidak ada sebab bagi rakyat negara ini membangkitkan isu berkaitan polemik umat Islam kerana ia tidak membawa sebarang kebaikan kepada sesiapa, kata bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Abdullah berkata isu itu hanya akan menimbulkan rasa kurang senang di kalangan masyarakat, terutama mereka yang beragama Islam, dan beliau bimbang ia boleh menyebabkan perpecahan.

"Perkara itu tidak pernah dipersoalkan sejak sekian lama, dan masyarakat di negara kita juga selama ini hidup dalam keadaan harmoni. Saya tidak nampak kenapa ia perlu dibangkitkan sekarang.

"Bila kita berada dalam kestabilan, tidak ada pergaduhan, ada pihak sengaja nak timbulkan isu... dalam suasana tenteram seperti sekarang, sepatutnya tidak perlu timbul apa-apa lagi isu yang boleh jejakkan perpaduan masyarakat berbilang kaum di negara ini," katanya.

Beliau mengulas surat seorang individu bukan Islam kepada sebuah portal berita yang mempersoal rasional Melayu dipaksa mengamalkan Islam sebagai agama mereka, dan bukan Islam perlu menukar agama jika ingin berkahwin dengan seorang Islam.

Surat itu berikutan kenyataan Anggota Parlimen Lembah Pantai Nurul Izzah Anwar yang didakwa mengeluarkan kenyataan bahawa rakyat tidak harus dipaksa mengamalkan agama tertentu, dan umat Islam juga perlu diberi hak sama rata untuk bebas beragama.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=708550>